

e-BULETIN

HASIL

SELAMAT TAHUN
BAHARU 2022

1. AKSES KE AKAUN BANK – BUKAN SEMUA PIHAK TERLIBAT

HASiL mengambil maklum berhubung persoalan yang dikemukakan berkaitan peruntukan baharu S106A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang telah diluluskan dalam Rang Undang-Undang Kewangan 2021 pada 15 Disember 2021.

Peruntukan tersebut memberi kebenaran kepada HASiL untuk mendapatkan maklumat akaun bank pembayar cukai **HANYA** bagi kes-kes yang melibatkan perintah garnisi di mana mahkamah telah memutuskan untuk membenarkan garnisi dibuat.

Prosiding garnisi adalah proses untuk menguatkuasakan penghakiman wang dengan menyita atau menahan hutang yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak, dalam kes ini HASiL, susulan adanya tunggakan cukai yang belum dijelaskan oleh pembayar cukai.

Penjelasan penuh berhubung perkara ini boleh dilihat melalui Kenyataan Media HASiL bertarikh 18 Disember 2021 di pautan : https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KM_HASiL_18122021_HAD_AKSES_AKAUN_BANK.pdf.

2. PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TAX IDENTIFICATION NUMBER @ TIN)

Kerajaan dalam Ucapan Bajet 2022 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Jumaat, 29 Oktober 2021 telah mengumumkan penggunaan nombor pengenalan cukai atau *Tax Identification Number* (TIN) dilaksanakan mulai tahun 2022 bagi memperluas asas cukai pendapatan.

Nombor pengenalan cukai adalah NOMBOR CUKAI PENDAPATAN seperti mana rekod sedia ada di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 66A, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Soalan lazim berkaitan pelaksanaan nombor pengenalan cukai boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Pautan Pantas > TIN (Nombor Pengenalan Cukai) atau di pautan pantas : https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/FAQ_TIN_1.pdf.

3. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

Tahun baharu menjelma lagi, dan pastinya para majikan sedang menyediakan penyata tahunan 2021 kepada pekerja masing-masing.

Bagi tujuan percukaian, majikan adalah disarankan untuk melaksanakan tanggungjawab berikut :

a) **Kemukakan**

- Penyata oleh majikan (Borang E) bersama C.P.8D sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya:
 - i) Majikan (syarikat dan syarikat Labuan) adalah wajib mengemukakan Borang E melalui e-Filing (e-E) mulai saraan bagi tahun 2016.
 - ii) Borang E hanya akan dianggap lengkap sekiranya C.P.8D dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisai tidak perlu mengisi dan menghantar C.P.8D.

b) **Sediakan dan Serahkan**

- Penyata saraan (Borang EA / EC) berkenaan dengan pekerja tersebut pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari dalam tahun berikutnya.
- Salinan penyata bayaran insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai kepada ejen, pengedar atau pengagih (Borang CP58) sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya.

Tanggungjawab majikan berkaitan percukaian boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Majikan > Tanggungjawab Majikan.

4. PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) BAGI TAHUN 2022

Program penuh ini boleh dicapai melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Borang > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2022 atau di pautan pantas : https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_1.pdf.

Pembayar cukai daripada semua kategori adalah digalakkan untuk merujuk kepada program ini sebagai panduan bagi melancarkan proses pelaporan cukai dengan LHDNM.